

Membaca satu pelaburan jangka panjang

DE 23 02 2012 3

Sherell Ann Jeffrey

KOTA KINABALU: Membaca adalah pelaburan jangka panjang yang bukan sahaja murah tetapi menjamin pengetahuan sepanjang hayat, kata Datuk Kamaruzaman Ampon.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu berkata, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, mereka menggalakkan pelajar, kakitangan dan orang ramai membaca kerana jendela ke minda adalah melalui pembacaan.

"Membaca murah dan menjamin keputusan baik kerana kita memperoleh pengetahuan daripadanya, malah celik huruf dalam kalangan rakyat Malaysia adalah 90 peratus, malangnya tidak ramai yang mengamalkan budaya ini.

"Berdasarkan penyelidikan Perpuustakaan Negara pada 2010, pada puratanya rakyat Malaysia membaca antara lapan hingga 12 buah buku setahun, satu jumlah yang kecil jika dibandingkan negara lain seperti Jepun, Korea Selatan dan negara-negara Eropah."

Beliau berkata demikian di majlis pelancaran "Pesta Buku" selama tiga hari di perpustakaan UMS di sini, menampilkan 13 penerbitan oleh ahli-ahli akademik UMS serta bahan bacaan akademik yang lain.

"Kita boleh peroleh ilmu dengan mendengar tetapi adalah lebih baik jika kita membaca, malah membaca tidak bermakna yang kamu harus membaca hanya buku, kerana pada era ini kita mempunyai e-book, e-journals dan lain-lain daripada Internet.

"Orang-orang yang cemerlang adalah mereka yang membaca, malah membaca adalah murah dan kalang kala percuma, apa yang kamu perlukan hanyalah bahan bacaan," katanya, sambil menambah, pembelian buku, jurnal dan majalah juga melayakkan kita kepada lepasan cukai sebanyak RM1,000.

Dengan itu, UMS menguntukkan RM9 juta setahun untuk tujuan membeli bahan binaan untuk perpustakaanannya.

Kamaruzaman mendapati jumlah wang yang digunakan untuk membeli buku, buku teks dan segala bentuk bahan binaan termasuk jurnal dan e-book dalam talian bagi perpustakaanannya adalah agak banyak.

"Bagaimanapun, kita akan melabur lebih banyak lagi untuk itu kerana kita mahu menggalakkan budaya membaca serta memperkukuhkan penerbitan kami," katanya, sambil menambah mereka mempunyai bajet RM800,000 setahun untuk tujuan penerbitan.

Sementara itu, ketua unit Penerbitan UMS Dr Syed Azizi Waafa Khalid berkata, UMS telah menghasilkan lebih 200 buah buku sejak unit penerbitannya ditubuhkan pada 2004.

Beliau jug amengumumkan, UMS baru-baru ini memenangi Anugerah Buku Kebangsaan di bawah kategori Buku Mewah Terbaik bagi buku bertajuk "Perarakan Berjubah", sambil menambah, itu adalah antara pencapaian terbaru UMS yang diiktiraf di peringkat kebangsaan.

Beliau berkata, UMS juga telah menghasilkan jurnal jualan terbaik antarabangsa bertajuk 'Asian Myrmecology' daripada Institut Biologi Tropika, yang menerima perkadaran yang tinggi daripada Institute For Sustainable Infrastructure (ISI).